

08/07/2001

Gabungan parti pembangkang `barisan tiruan'

ali; Wan Esuriyanti; R Magendran; Teh Kean Keat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyifatkan gabungan parti pembangkang yang terdiri daripada Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) sebagai `barisan tiruan'.

Perdana Menteri berkata, ini kerana gabungan yang menamakan diri mereka sebagai barisan alternatif cuba meniru corak kerjasama yang diamalkan Barisan Nasional (BN).

"Gabungan BN adalah unik yang tidak ada di mana-mana negara di dunia ini sehingga kerjasama untuk menyatukan semua kaum itu mengkagumkan pemimpin negara asing.

"Kejayaan kerjasama ini rupa-rupanya cuba ditiru pembangkang dengan mengadakan kerjasama ala-BN. Mereka cuba bertungkus lumus, berpeluk tetapi mereka tidak mempunyai matlamat yang sama.

"Mereka ini tahu selagi mereka tidak bekerjasama, mereka tidak mungkin mengalahkan BN. Inilah barisan tiruan... barang tiruan tidak pernah ada mutu. Yang tulen adalah BN," katanya dalam ucapan dasar di Konvensyen Barisan Nasional di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, gabungan pembangkang cuba menipu antara satu sama lain semata-mata untuk menang dalam pilihan raya.

Katanya, DAP sanggup diperalatkan oleh Pas, manakala DAP dan Pas pula memeralatkan Keadilan bagi mendapat sokongan pihak tertentu.

Malah kata beliau, sesetengah rakyat asing berpendapat Keadilan boleh mengambil alih tempat Umno dalam pemerintahan parti pembangkang di negara ini sambil menganggap kenyataan itu sebagai `mimpi di siang hari'.

Katanya, Pas akan terus memperkudakan Keadilan, manakala DAP juga turut diperalatkan oleh Pas.

"Selagi DAP diperkudakan oleh Pas, selagi itulah DAP akan gagal. Saya ucapkan selamat tinggal kepada DAP. Sebab itu juga Pas sekarang ini melayan tuntutan masyarakat Cina. Pas mahu pembentukan sebuah negara Islam dan ia juga setuju supaya Islam yang menjadi agama rasmi negara disamakan dengan agama lain di negara ini.

"Amat jelas barisan tiruan ini tidak menampakkan satu kerjasama yang erat di antara komponen mereka. Parti sosialis yang tidak mempunyai pengikut, tetapi pemimpinnya saja, juga ikut sama. Saya ucapkan selamat kepada parti sosialis (PRM) ini, saya ucapkan selamat tinggal kepada barisan tiruan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ramai pemimpin negara asing yang datang menemuinya melahirkan rasa kagum dengan BN kerana gabungan 13 parti itu berjaya menguruskan pentadbiran negara dengan baik.

Katanya, gabungan itu lebih mudah diuruskan oleh banyak parti berbanding cuma dua parti saja yang mendedahkan kepada bahaya budaya ugut untuk keluar daripada gabungan.

Beliau berkata, ini berlaku apabila sebuah parti yang mendapat kurang majoriti membentuk kerajaan, akan menjemput parti lain untuk sama-sama membentuk kerajaan dan lazimnya parti kecil ini akan membuat ugutan jika tuntutan mereka tidak dipenuhi.

Katanya, keadaan itu menjadi tidak selamat, tetapi sebaliknya BN yang mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen tidak mudah diugut oleh mana-mana parti komponennya.

"Jika salah satu parti nak keluar (BN), kerajaan tidak jatuh. Sebab itu BN terus kekal memerintah dan kukuh dengan Umno sebagai parti terbesar. BN akan terus memerintah untuk menjadikan matlamat Wawasan 2020 menjadi

kenyataan," katanya.

(END)